



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Selasa, 18 April 2023

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Kandang terbakar, 20 ekor kambing rentung		
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Kosmo	Negara	15



SEBUAH kandang kambing musnah dalam kebakaran hingga mengakibatkan 20 ekor binatang itu rentung di Kampung Paya Batu Belengu, Temerloh semalam.

Kandang terbakar, 20 ekor kambing rentung

TEMERLOH – Seorang penterak kerugian RM18,000 selepas 20 ekor kambingnya rentung apabila kandang yang menempatkan binatang itu terbakar dalam kejadian di Kampung Paya Batu Belengu di sini semalam.

Aidel Kumari, 60, berkata, kejadian itu disedari pada pukul 12.30 tengah malam selepas dia terdengar bunyi pelik dari arah kandang kambing itu.

Katanya, dia dan cucunya kemudian bergegas ke situ sebelum mendapati api telah marak sebelum menghubungi bomba.

"Ada 20 ekor kambing termasuk dua anak yang baru lahir rentung.

"Saya terkilan kerana ada tiga ekor kambing yang sedang bunting dan menunggu masa untuk beranak," katanya yang telah menternak kambing sejak 2015.

Menurut Aidel, dia belum pasti punca kebakaran itu tetapi dia ada membuat unggun api di kawasan berdekatan untuk menghalau nyamuk.

Tambahnya, bara api itu mungkin melayang ke arah kandang ekor angin kuat.

Syarikat jual telur gred B, 70sen sebiji didakwa		
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Kosmo	Negara	16

Melebihi harga maksimum 43 sen yang ditetapkan Syarikat jual telur gred B, 70 sen sebiji didakwa

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM

JOHOR BAHRU – Sebuah syarikat peruncit, Kumpulan Usaha Keluarga Jaya Sdn. Bhd. mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini semalam, atas pertuduhan menjual telur ayam gred B pada harga 70 sen sebiji iaitu lebih 27 sen daripada harga maksimum ditetapkan, awal tahun lalu.

Pengakuan itu dibuat salah seorang pengarah syarikat berkenaan iaitu wanita berusia 26 tahun selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim.

Mengikut pertuduhan, premis perniagaan itu telah menawarkan untuk menjual barangan harga terkawal iaitu telur ayam gred B dengan harga 70 sen sebiji.

Ia menyaksikan peruncit menaikkan harga sebanyak 27 sen, melebihi harga maksimum runcit yang ditentukan Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) 2022 iaitu 43 sen sebiji.

Perbuatan itu dilakukan kira-kira pukul 11.30 pagi di premis Kumpulan Usaha Keluarga Jaya beralamat di No. 44, Jalan Perjiran 2, Bandar Dato Onn di sini, pada 2 Januari lalu.

Ia merupakan kesalahan di bawah Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011



SALAH seorang pengarah syarikat peruncit Kumpulan Usaha Keluarga Jaya Sdn. Bhd. yang hadir ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru semalam.

(Akta 723) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 18(a) Akta sama.

Syarikat terbabit boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 bagi kesalahan pertama dan didenda tidak melebihi RM1 juta bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam

Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN), Muhamad Sabiq Muhamad Subri dan Raja Nor Iklas Raja Ariff.

Sementara itu, Orang Kena Saman (OKS) diwakili peguam Kumpulan Usaha Keluarga Jaya Sdn. Bhd., Farah Walidah Mohd. Sharip.

Mahkamah menetapkan 18 Mei depan sebagai sebutan semula dan serahan dokumen.

Syarikat peruncitan mengaku tidak bersalah jual telur melebihi harga maksimum

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Mahkamah & Jenayah	15



Seorang wakil syarikat (tengah) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen pada Isnin kerana didakwa menjual telur melebihi harga.

Syarikat peruncitan mengaku tidak bersalah jual telur melebihi harga maksimum

JOHOR BAHRU - Sebuah syarikat peruncitan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada Isnin atas pertuduhan menjual telur melebihi harga maksimum yang telah ditetapkan di Bandar Dato Onn, 2 Januari lalu.

Pengakuan itu dibuat seorang wanita berusia 26 tahun yang juga pengarah syarikat berkenaan di hadapan Hakim Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim.

Berdasarkan pertuduhan, syarikat itu didapati menjual barangan

terkawal iaitu telur ayam gred B dengan harga 70 sen sebiji yang melebihi harga maksimum runcit ditetapkan iaitu 43 sen sebiji.

Harga tersebut ditentukan mengikut Jadual Ketiga (Perenggan Empat) Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (no 12) 2022.

Hakim kemudian menetapkan 18 Mei ini sebagai tarikh sebutan semula kes. Syarikat itu diwakili peguam, Farah Wahidah Mohd Sharip manakala pendakwaan di-

kendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN), Muhamad Sabiq Muhamad Subri dan Raja Nor Iklas Raja Ariff.

Kes tersebut dijalankan mengikut Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) dan jika sabit kesalahan, boleh didenda sehingga RM500,000 manakala bagi kesalahan kedua dan berikutnya, denda sehingga RM1 juta.

Lima pusat penjagaan kucing terbiar terima sumbangan RM10,000

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Negeri	24

Lima pusat penjagaan kucing terbiar terima sumbangan RM10,000



Ismail Sabri (empat dari kanan) menyampaikan sumbangan sebanyak RM10,000 dalam majlis Giving Back To Cat-Munity, di MITEC pada Ahad.

SHAH ALAM - Syarikat pengeluaran baju raya kucing, DD Cat dan syarikat penjagaan haiwan, DD Petshop memberi sumbangan sebanyak RM10,000 kepada lima pusat penjagaan serta perlindungan kucing terbiar di sekitar ibu kota.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada majlis Giving Back To Cat-Munity di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) pada Ahad.

Menurut Ismail Sabri, sumbangan tersebut bertujuan

membantu memastikan kehidupan haiwan-haiwan peliharaan yang terbiar, khususnya kucing diberi perlindungan sewajarnya.

"Langkah ini harus dicontohi kerana ia mampu menangani masalah kucing terbiar dan membendung kes penderaan haiwan.

"Sejak akhir-akhir ini kita banyak mendengar kes penderaan haiwan, khususnya melibatkan kucing.

"Justeru, saya berharap semua pihak tidak mengabaikan tanggungjawab melindungi haiwan terbiar terutama kucing," katanya.

Turut hadir, duta jenama Baju Raya Kucing DD Cat, Anna Jobling dan Pengarah Eksekutif DD Petshop, Zaharudin Abd Hamid.

Jelas Ismail Sabri, lima pusat penjagaan dan perlindungan kucing tersebut melibatkan Katsumi Pet Care, Pusat Perlindungan Kucing Persatuan Suara Haiwan Malaysia serta Amanah Shelter, S.I Shelter, C-A-T Playground dan Abam Cats Home.

Jenama Baju Raya Kucing DD Cat telah dilancarkan pada 16 Mac lalu dan mendapat sambutan sangat luar biasa serta di luar jangkaan.

Kandang terbakar, kesemua 20 ekor kambing mati

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Negeri	26

Kandang terbakar, kesemua 20 ekor kambing mati

TEMERLOH - Dugaan menjelang Aidilfitri, seorang pen- ternak kambing kerugian hampir RM20,000 selepas 20 ekor kambing miliknya mati dalam kebakaran di Kampung Paya Batu Belengu di sini pada Isnin.

Dalam kebakaran kira-kira jam 12.05 pagi itu, Aidel Kumari, 60, tidak sempat menyelamatkan kesemua ternakan di dalam kandang belakang rumahnya.

"Memang saya ada ter- dengar bunyi, tapi saya ingat- kan haiwan seperti kerbau lalu, sebab sudah biasa de- ngar.

"Tapi saya tak sedap hati, buka tingkap tengok api su- dah marak. Nak menyelamatkan semua kambing tak sempat sebab bahang, panas," kata



Antara bangkai kambing yang ditemui dalam kandang tersebut.

warga emas tersebut.

Ujar Aidel, walaupun sedih kerana kejadian berlaku men- jelang Aidilfitri, namun dia tetap bersyukur kerana tidak melibat- kan sebarang kecederaan dan nyawa manusia.

"Ikutkan memang terasa se- bab majoriti kambing sudah ma- tang, lebih-lebih lagi empat ekor

sedang bunting.

"Namun saya anggap ini uji- an pada bulan mulia dan reda walaupun terpaksa menanggung kerugian besar," jelasnya yang sudah tujuh tahun menternak kambing.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat



Kebakaran di Kampung Paya Batu Belengu, dekat Temerloh pada Isnin menyebabkan kesemua kambing mati.

Malaysia (JBPM) Pahang, Zulfadli Zakaria memberitahu, pihak bomba menerima panggil- an kecemasan pada jam 12.57 pagi mengenai kejadian ter- sebut.

"Seramai enam anggota dan seorang pegawai bersama se- buah jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bukit

Angin dikerahkan ke tempat kejadian. Operasi pemadam- an turut dibantu sembilan anggota BBP Temerloh.

"Kebakaran melibatkan ke- musnahan 100 peratus selain semua kambing mati," kata- nya dalam kenyataan pada Isnin.